



BAJU MELAYU CEKAK MUSANG



LUKISAN TEKNIKAL





Sumber rujukan: Azah Aziz (2006). Rupa Dan Gaya Busana Melayu,
Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nama pakaian Lelaki	Baju Melayu Cekak Musang
Padanan pakaian	Baju melayu cekak musang, seluar baju melayu cekak musang, kain samping , songkok, keris dan tengkolok
Perhiasan	Keris, kerongsang, rantai labuh dan songkok
Fabrik	Kapas, tenunan songket, kain batik sarong,satin
Penerangan bentuk pakaian	Baju Melayu Cekak Musang memiliki akar tradisional yang kuat dalam budaya Melayu. Istilah "cekak musang" merujuk kepada kolar baju yang tinggi dan berbentuk melengkung di bahagian tengkuk, ia menyerupai leher musang yang terangkat.

	Baju Melayu sendiri telah menjadi pakaian tradisional lelaki Melayu sejak berabad-abad yang lalu. Namun, bentuk cekak musang ini dikatakan berasal dari gaya kolar baju yang dipopularkan oleh Sultan Johor pada zaman dahulu. Sultan Johor ketika itu dikenali sebagai seorang pemerhati fesyen yang berpengaruh dan gaya kolar tinggi ini menjadi ciri khas baju melayu yang dipakainya. Gaya ini kemudiannya tersebar dan menjadi popular di kalangan masyarakat Melayu. Baju Melayu cekak musang butangnya ada lima. Berbutang lima merujuk kepada lima rukun Islam dengan dua butang di atas bermaksud, mengucapkan dua kalimah syahadah dan sembahyang lima waktu. Baju Melayu Cekak Musang selebihnya diwakili tiga butang di bawah. Jika kita buang dua butang dan hanya pakai tiga, falsafah di sebalik menegakkan rukun Islam itu tidak tercapai. Malah, ada teromba mengenai pentingnya pemakaian lima butang baju ini; "cekak musang berbutang lima lima rukun di dalam nya lima petua dibawahnya lima tiang ditegakkan." Ciri-ciri pakaian: • Kolar Tinggi Cekak Musang: Ciri paling terserlah dari baju Melayu Cekak Musang adalah kolar tinggi dan melengkung di bahagian tengkuk dan menyerupai leher musang yang terangkat.
--	--

	• Potongan Longgar: Baju Melayu tradisional biasanya longgar dan selesa. I dipakai dengan potongan longgar untuk memberikan keselesaan kepada pemakainya. • Badan : mempunyai keke dan pesak dibahagian sisi badan. Manakala bahagian hadapan badan mempunyai 3 poket. • Seluar panjang: Seluar Baju Melayu Cekak Musang mempunyai belah zip dibahagian tengah hadapan, poket sisi dan ikatan pinggang.
--	--

MAKNA DI SEBALIK **BAJU MELAYU**

Rekaan ini bermula daripada 700 tahun yang lalu apabila Sultan Muhammad Shah, Sultan Melaka kedua mahukan satu pakaian diraja.



Lima Butang Baju Melayu Melambangkan Rukun Islam

- Ucapkan dua kalimah syahadah
- Tunaikan solat fardu lima waktu
- Berpuasa pada bulan Ramadan
- Bayar zakat
- Mengerjakan haji bagi mereka yang mampu

Tiga Saku Baju

- Akidah atau kepercayaan
- Islam
- Ihsan

Sampin

- Lambangkan kesungguhan jaga syahwat, aurat dan maruah.
- Pakai sampin di atas lutut bermaksud masih bujang, manakala pakai sampin di bawah lutut bermaksud sudah berkahwin.



Baju Melayu Butang Satu

Lambangkan tauhid yang percayai bahawa Tuhan itu hanya satu.

CEKAK MUSANG



5 BUTANG

5 Rukun Islam
Solat 5 waktu
2 butang di atas: Mengucap dua
kalimah syahadah

3 KOCEK

Iman, Ihsan & Islam

*"cekak musang berbutang lima
lima rukun di dalamnya
lima petua dibawanya
lima tiang ditegakkan."*

2.4 CIRI-CIRI BAJU KEMEJA LELAKI

Kerah (Collar):

Kemeja lelaki biasanya mempunyai kerah yang berbeza bentuk dan saiz. Contohnya, kerah butang, kerah berdiri, dan kerah terbuka (V-neck) adalah beberapa jenis kerah yang biasa. Bentuk kerah boleh memberikan kemeja rekaan yang berbeza.



2.4 CIRI-CIRI BAJU KEMEJA LELAKI

Potongan (Fit):

Kemeja lelaki datang dalam pelbagai potongan, termasuk regular fit (potongan biasa), slim fit (potongan ketat), dan loose fit (potongan longgar). Potongan ini mempengaruhi bagaimana kemeja duduk di badan anda dan mencipta siluet yang berbeza.

Panjang Lengan:

Kemeja boleh mempunyai lengan panjang atau lengan pendek.

Kemeja lengan panjang biasanya digunakan untuk acara-acara formal atau cuaca sejuk, manakala kemeja lengan pendek sesuai untuk pakaian santai dan cuaca panas.

2.4 CIRI-CIRI BAJU KEMEJA LELAKI

Butang:

Kemeja biasanya mempunyai barisan butang di depan, dan gaya butang juga boleh berbeza. Ada kemeja yang mempunyai butang tersembunyi atau butang kancing di atas kerah.

Warna:

Warna kemeja boleh sangat berbeza, dari yang sederhana seperti putih, biru, atau hitam, hingga yang berani seperti merah, kuning, atau hijau. Pilihan warna bergantung kepada kegunaan dan gaya peribadi.

Ciri-ciri Kemeja Formal Yang Bagus

1

Jahitan bahu terletak cantik pada bahu

2

Tiada lebihan yang banyak

3

Paras lengan betul-betul pada pangkal tangan



4

Kolar boleh dibutangkan

5

Butang dengan kemas